



KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA

MINISTRY OF TOURISM, ARTS AND CULTURE

Aras 1, 4-5, 10-15, 17 & 18

No. 2, Menara 1, Jalan P5/6

Presint 5,

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62200 PUTRAJAYA

MALAYSIA

Tel : 03 8000 8000

Faks : 03 8891 7100

Portal Rasmi : www.motac.gov.my

Ruj. Kami : MOTAC.400-2/1/2 Jld.7 (7)

Tarikh : 11 Mei 2026

SEPERTI DI SENARAI EDARAN

YBhg. Datuk/Dato'/Dr./Tuan/Puan,

**ARAHAN OPERASI BAHAGIAN AKAUN BILANGAN 4 TAHUN 2026:
KAWALAN PENGGUNAAN AKAUN BANK TERIMAAN UTAMA KEMENTERIAN
PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA (MOTAC) DALAM URUSAN TERIMAAN
SECARA *ELECTRONIC FUND TRANSFER* (EFT)**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Arahan Operasi ini dikeluarkan bagi memastikan penggunaan Akaun Bank Terimaan Utama MOTAC yang telah diluluskan penggunaannya oleh Bahagian ini bagi tujuan terimaan secara EFT adalah sentiasa teratur selaras dengan Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia (SPANM) Bilangan 3 Tahun 2025 – Tatacara Pengurusan Terimaan (rujuk perenggan 13.1 di Lampiran B mengenai Garis Panduan Pengurusan Terimaan) dan **sentiasa terkawal serta terlindung** daripada terdedah dengan sebarang bentuk risiko penyalahgunaan oleh pihak luar.

3. Pematuhan terhadap arahan operasi ini adalah sangat penting dan perlu diberi perhatian **bagi mengelakkan risiko terkumpulnya dana terimaan yang tidak dapat dikenalpasti sumbernya dalam Akaun Terimaan Utama MOTAC**, sekaligus boleh mengundang isu pengauditan yang serius berkaitan perakaunan dan pelaporan penyata kewangan MOTAC.

**PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA PEMANGKIN PERPADUAN
NEGARA MAJU RAKYAT BERBUDAYA**



**ARAHAN OPERASI BAHAGIAN AKAUN BILANGAN 4 TAHUN 2026:
KAWALAN PENGGUNAAN AKAUN BANK TERIMAAN UTAMA KEMENTERIAN
PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA (MOTAC) DALAM URUSAN TERIMAAN SECARA
ELECTRONIC FUND TRANSFER (EFT)**

4. Kelulusan penggunaan Akaun Terimaan Utama MOTAC yang diberikan oleh Bahagian ini adalah berdasarkan justifikasi dan keperluan pada ketika permohonan dibuat oleh Jabatan (Jab)/Pusat Tagungjawab (PTJ) dan **sama sekali tidak boleh dijadikan asas** untuk membenarkan penggunaannya pada masa akan datang. Permohonan baharu perlu dikemukakan kepada Bahagian ini untuk kelulusan penggunaannya. Ini penting bagi memastikan penggunaan Akaun Bank Terimaan Utama MOTAC adalah sentiasa terkawal, terpelihara dan **sentiasa dalam pengetahuan Bahagian ini** apabila melibatkan urusan terimaan EFT.

5. Penggunaan kaedah pembayaran tanpa tunai dalam pengurusan terimaan MOTAC seperti penggunaan aplikasi iPAYMENT, Sistem Tourlist, dan pembayaran menggunakan kad debit/kredit melalui TPOS adalah disarankan kerana aplikasi ini telah dilengkapi dengan ciri-ciri kawalan, dan memudahkan terimaan EFT diperakaunkan oleh Jab/PTJ dengan kod perakaunan terimaan yang betul.

6. Bahagian ini tiada halangan untuk meluluskan permohonan bagi menggunakan Akaun Bank Terimaan Utama MOTAC apabila terdapat keperluan untuk urusniaga terimaan daripada pihak Kerajaan Negeri, Kerajaan Asing atau daripada mana-mana entiti bukan kerajaan, namun permohonan perlulah dibuat ke Bahagian ini terlebih dahulu untuk diteliti. Sila rujuk Perenggan 4 dalam arahan operasi ini.

7. Segala kerjasama yang diberikan bagi memastikan akauntabiliti dan sistem penyampaian terimaan MOTAC sentiasa berada di tahap cemerlang adalah dihargai dan didahului dengan terima kasih.

**ARAHAN OPERASI BAHAGIAN AKAUN BILANGAN 4 TAHUN 2026:
KAWALAN PENGGUNAAN AKAUN BANK TERIMAAN UTAMA KEMENTERIAN
PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA (MOTAC) DALAM URUSAN TERIMAAN SECARA
ELECTRONIC FUND TRANSFER (EFT)**

Sekian.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(DR. SHAHRIL BIN BAHARIM C.A.(M), FCMA, CGMA)

Setiausaha/Bahagian Akaun

b.p. Ketua Setiausaha

Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya

s.k. YBhg. Dato' KSU

YBhg. Datuk TKSU (P)

YBhg. Dato' TKSU (K)

YBrs. TKSU (PL)

**ARAHAN OPERASI BAHAGIAN AKAUN BILANGAN 4 TAHUN 2026:
KAWALAN PENGGUNAAN AKAUN BANK TERIMAAN UTAMA KEMENTERIAN
PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA (MOTAC) DALAM URUSAN TERIMAAN SECARA
ELECTRONIC FUND TRANSFER (EFT)**

SENARAI EDARAN

EDARAN DALAMAN

1. Setiausaha Bahagian
Bahagian Kewangan (BK)
2. Setiausaha Bahagian
Bahagian Pembangunan Prasarana (PP)
3. Setiausaha Bahagian
Bahagian Pelesenan dan Penguatkuasaan Pelancongan (BPPP)

EDARAN LUAR

1. Ketua Pengarah
Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN)
Aras 16,18,19, 26, 27, 30, dan 34
Lot 1001, Menara TH Perdana
Jalan Sultan Ismail
50250 KUALA LUMPUR
2. Ketua Pengarah
Jabatan Warisan Negara (JWN)
Aras Mezanin, 15-20
Menara Permodalan Nasional Berhad (PNB)
No. 201-A, Jalan Tun Razak
50400 KUALA LUMPUR
3. Ketua Pengarah
Istana Budaya (IB)
Bahagian Khidmat Pengurusan
Jalan Tun Razak
50694 KUALA LUMPUR

**ARAHAN OPERASI BAHAGIAN AKAUN BILANGAN 4 TAHUN 2026:
KAWALAN PENGGUNAAN AKAUN BANK TERIMAAN UTAMA KEMENTERIAN
PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA (MOTAC) DALAM URUSAN TERIMAAN SECARA
ELECTRONIC FUND TRANSFER (EFT)**

4. Pengarah
Pusat Pelancongan Malaysia (MaTiC)
109, Jalan Ampang
50450 KUALA LUMPUR

5. Pengarah
Pejabat Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur / Putrajaya
Aras 1, Bangunan Baru
Pusat Pelancongan Malaysia (MaTiC)
109, Jalan Ampang
50450 KUALA LUMPUR

6. Pengarah
Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
Kompleks JKKN WPKL
Jalan Tun H.S Lee
50000 KUALA LUMPUR